

Sila semak semasa dilafazkan

**UCAPAN YANG AMAT BERBAHAGIA
DATO SERI DR SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD ALI
DI MAJLIS SEMPENA LAWATAN ANGGOTA BAKTI
KE HOSPITAL SELAYANG
DI HOSPITAL SELAYANG, SELANGOR
PADA HARI SELASA, 7 NOVEMBER 2000
JAM 10.00 PAGI**

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak penganjur yang telah sudi menerima dan seterusnya mengatur acara lawatan anggota BAKTI ke Hospital Selayang.

2. Saya dimaklumkan bahawa Hospital Selayang merupakan 'hospital paperless' pertama di dunia. Saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada Kementerian Kesihatan kerana telah berjaya mengharumkan nama negara melalui beberapa pencapaian dalam bidang kesihatan dan perubatan, termasuk pembangunan Hospital Selayang.

3. Teknologi maklumat membawa banyak perubahan dalam kehidupan masyarakat kita. Masyarakat kini lebih berpengetahuan dan bijak membuat pilihan yang baik. Pengetahuan masyarakat tentang penyakit dan rawatan adakalanya menandingi anggota perubatan sendiri terutama bagi anggota yang kurang membaca dan tidak berminat untuk memperkembangkan pengetahuan mereka.

4. Teknologi maklumat juga banyak membantu hospital dalam mempertingkatkan lagi kualiti perkhidmatan. Beberapa perkhidmatan di hospital dapat dilaksanakan dengan lebih cekap dan berkesan melalui komputer dan sistem 'on-line'. Bagi Hospital Selayang, keseluruhan perkhidmatan hospital di 'computerised' dan mempunyai sistem 'on-line' sehingga kertas tidak lagi diperlukan. Dalam aspek ini, saya difahamkan bahawa, banyak minat telah timbul dari pihak-pihak luar negara dan mereka telah mengadakan lawatan unruk meninjau cara kita mengoperasikan perkara ini di Hospital Selayang. Bagi anggota-anggota Hospital Selayang pula penggunaan I.T. dalam bentuk ini merupakan satu cabaran besar yang perlu ditempuhi oleh kerana di samping mendalami bidang perubatan mereka juga terpaksa mendalami bidang teknologi

maklumat. Walaupun menempuhi beberapa cabaran, hospital ini masih mampu melakukan kejayaan cemerlang seperti yang telah dilaporkan tidak lama dahulu di mana sebuah unit Hospital Selayang telah berjaya, melalui 'micro surgery', membuat pemindahan lengan seorang bayi ke kembarnya. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan syabas kepada semua pegawai dan anggota Hospital Selayang.

5. Walaupun teknologi boleh membantu, sesuatu kejayaan banyak bergantung kepada komitmen anggota dan semangat kerja berpasukan. Tenaga kerja yang berpengetahuan, berkemahiran, komited serta mempunyai budi pekerti yang mulia akan dapat membantu hospital mencapai kejayaan di samping menaikkan mej. Perkhidmatan 'customer-centred' dan 'customer-focus' menjadi matlamat Kementerian. Oleh yang demikian adalah menjadi tanggungjawab setiap anggota hospital untuk melayan pelanggan mereka sebaik mungkin tanpa mengira pangkat, peringkat umur, masa, tempat dan penyakit yang dihadapinya. Pengetahuan dan kemahiran yang tinggi akan meningkatkan profesionalisma seseorang anggota tetapi ini perlu dilengkapi dengan budi pekerti yang mulia seperti bersifat mesra, merendah diri, hormat menghormati, bersedia membantu, penyayang dan sebagainya. Pelanggan hospital terdiri daripada mereka yang mempunyai masalah kesihatan. Sebagai anggota perubatan, kita memahami keadaan yang mereka alami. Oleh itu sewajarnya kita prihatin dan membantu seberapa boleh untuk meringankan beban kesakitan yang dihadapi.

6. Kemajuan yang dicapai dalam sistem perkhidmatan kesihatan di negara kita telah dapat memperbaiki dan meningkatkan tahap kesihatan rakyat. Ini dapat dilihat melalui beberapa pencapaian dalam indikator-indikator kesihatan seperti penurunan kadar kematian bayi, penurunan kadar kematian ibu bersalin, peningkatan jangkamasa hayat bagi lelaki dan perempuan dan sebagainya. Walaupun negara kita sekarang berdepan dengan penyakit berkaitan dengan cara hidup dan penyakit kronik, saya percaya Kementerian telah pun mengambil langkah tertentu melalui pelaksanaan program dan aktiviti promosi, pencegahan, rawatan dan pemulihan. Projek 'telehealth', salah satu projek di bawah Multimedia Super Corridor (MSC), akan dapat mempermudah lagi pelaksanaan program dan aktiviti Kementerian. Melalui 'telehealth', jarak dan lokasi tidak lagi menjadi isu kerana perhubungan komunikasi secara 'virtual' dapat dilakukan.

7. Teknologi akan terus berkembang, penyakit baru di kesan, kos rawatan meningkat di samping sumber terhad. Ini semua merupakan cabaran-cabaran yang bakal ditempuhi di masa akan datang. Bagi mengatasinya, semua pihak perlu

bekerjasama. Aktiviti-aktiviti rawatan dan pemulihan pesakit tidak lagi terhad di dalam kawasan hospital. Ini bermakna di samping bekerjasama lebih rapat dengan pihak-pihak lain sama ada Kerajaan atau swasta, anggota hospital juga perlu bekerjasama dengan masyarakat setempat. Banyak yang boleh dilakukan oleh masyarakat bagi membantu dalam rawatan dan pemulihan pesakit dan memanfaatkan sepenuhnya kemudahan yang canggih yang disediakan di hospital ini. Di beberapa tempat sambutan masyarakat masih agak kurang. Oleh itu pihak hospital perlu memainkan peranan yang lebih berkesan bagi menggalakkan lebih ramai masyarakat melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti rawatan pesakit. Kementerian Kesihatan, misalnya boleh mempertingkatkan skop kerjasama dengan Pertubuhan-pertubuhan Bukan Kerajaan (NGOs) bagi membolehkan tenaga mereka digemblengkan untuk mempertingkatkan lagi mutu penyampaian perkhidmatan kesihatan kita.

8. Saya berharap pencapaian dalam bidang perubatan dan kesihatan dapat terus dipertingkatkan. Masih banyak yang perlu dipelajari dan masih ada ruang untuk diperbaiki. Setiap kejayaan harus dijadikan perangsang untuk kita terus berjaya.

9. Akhir kata saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada penganjur, pegawai-pegawai Kementerian dan anggota Hospital Selayang yang telah bersama-sama menjayakan lawatan ini.
